

TPM: Pelajar kurang jaya, gagal SPM dibantu
Malaysiakini.com
Mar 19, 2010
Abdul Rahim Sabri

Kementerian Pelajaran dan Kementerian Sumber Manusia serta agensi-agensi berkaitan akan berbincang untuk menyediakan kaedah terbaik bagi membantu para pelajar yang kurang berjaya dan gagal dalam Sijil Pelajaran Malaysia 2009, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di Putrajaya hari ini.

Beliau yang juga menteri pelajaran berkata pihaknya serta agensi berkaitan akan memikirkan inisiatif bagi membantu pelajar terbabit menguasai kemahiran sesuai supaya mampu meningkatkan bidang pelajaran dan kerjaya mereka.

"Kementerian Pelajaran juga tidak akan meminggirkan sekolah yang memperoleh pencapaian yang rendah.

"Kita akan terus berusaha merapatkan jurang pencapaian gred purata sekolah terutamanya antara sekolah luar bandar dan sekolah bandar," katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Kecemerlangan SPM 2009 di kementeriannya pagi ini.

Pada majlis itu, Muhyiddin menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada 10 buah sekolah pencapaian cemerlang SPM 2009.

Antara yang menerimanya adalah 16 pelajar cemerlang, termasuk empat pelajar istimewa dan dua pelajar sekolah sukan cemerlang.

Mengenai pemilihan 10 sekolah cemerlang tersebut, Muhyiddin berkata ia dibuat berdasarkan kepada gred purata mata pelajaran yang diambil di sekolah berkenaan.

Pada tahun ini, beliau berkata pencapaian sesebuah sekolah dikategorikan kepada cemerlang, baik, memuaskan dan berpotensi berdasarkan kepada gred purata sekolah masing-masing.

"Tujuannya supaya pengetua dapat mengetahui kedudukan sekolah dan sentiasa berusaha meningkatkan gred purata sekolah masing-masing.

"Saya harap 10 buah sekolah ini akan menjadi perangsang kepada sekolah-sekolah yang lain untuk mencapai kecemerlangan pada masa akan datang," katanya.

Muhyiddin yang juga timbalan presiden Umno, memuji pencapaian pelajar istimewa yang gigih berusaha untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan itu walaupun kekurangan daripada segi fizikal.

"Begitu juga dengan pelajar sekolah sukan...walaupun mereka menghabiskan kebahagiaan besar masa untuk berlatih dan mewakili negara, namun pelajar-pelajar ini masih mendapat keputusan terbaik.

'Ini bermakna sukan tidak menghalang seseorang itu untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik," katanya.

Sementara itu, dalam majlis yang sama, Muhyiddin juga turut menyampaikan bantuan kewangan berjumlah RM100,000 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina San Yuk,

Rawang yang terbakar.

Bantuan modal tersebut, kata Muhyiddin, bertujuan untuk membolehkan pentadbiran sekolah menggantikan segala fasiliti dan harta benda yang mengalami kerosakan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/126952>